

Mahathir terima doktor kehormat Universiti Meiji

BH - 7 JUN 2001

Oleh **Jamhariah Jaafar**

TOKYO, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberi penghormatan sebagai rakyat asing kelima menerima anugerah doktor kehormat Universiti Meiji, sempena ulang tahun ke-120 institusi itu di sini, esok.

Pemilihan Perdana Menteri itu adalah sebagai penghormatan rakyat ne-

gara Matahari Terbit ini, terutama atas kewibawaannya sebagai arkitek pertama melaksanakan dasar Pandang Ke Timur.

Dr Mahathir dijadual tiba awal pagi esok, bagi melakukan lawatan kerja selama empat hari.

Selain menerima anugerah berkenaan, antara program lain beliau ialah memberi ucap tama bertajuk Globalisasi, Masyarakat Global dan Pertu-

bulan Bangsa-bangsa Bersatu, di Siri Ceramah Agung U Thant di Dewan Persidangan U Thant, pagi esok.

Siri ceramah berkenaan diadakan khusus bagi golongan pembuat keputusan dan dasar, di samping duta serta ahli akademik. Sesi dialog bersama Perdana Menteri akan turut disiarkan secara langsung melalui laman web pada alamat <http://www.unu.edu>.

Di samping itu, Dr Mahathir dijadual hadir pada majlis makan malam Persidangan Nikkei, yang turut dihadiri Perdana Menteri Jepun, Jun-ichiro Koizumi.

Beliau juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala buat kali pertama kali dengan Koizumi yang baru dilantik.

Sebelum pulang, Perdana Menteri akan bertemu pelajar Malaysia.